

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 7 MAC 2017 | SELASA

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan semua pembida syarikat penerbangan yang dijemput oleh Tabung Haji setiap tahun untuk menyertai tender menyediakan penerbangan jemaah haji ke Arab Saudi dari 2005 hingga 2016.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan yang pernah dipelawa menyertai tender penerbangan Cartar Haji oleh Tabung Haji antara tahun 2005 hingga 2016 adalah seperti berikut :-

- 1) Royal Jordanian Airlines;
- 2) Etihad Airways;
- 3) Emirates Airlines;
- 4) Gulf Air;
- 5) Saudi Arabian Airlines;
- 6) Egypt Air;
- 7) Oman Air;
- 8) Qatar Air;
- 9) Royal Brunei Airlines;
- 10) Malaysia Airlines; dan
- 11) Air Asia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH : 7.3.2017

SOALAN : NO. 47

Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bekerjasama secara strategik bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai langkah proaktif bergabung dengan universiti awam bagi meningkatkan taraf pendidikan anak-anak orang asli di pantai timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan dasar Kerajaan untuk merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) iaitu meningkatkan akses dan ekuiti pendidikan pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin dan komited terhadap semua golongan masyarakat di negara ini termasuk komuniti orang asli.

Bagi membantu komuniti orang asli menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi, KPT telah menyediakan laluan khas orang asli bagi kemasukan ke Universiti Awam/Politeknik/Kolej Komuniti/ Institut Latihan Kemahiran Awam. Calon orang asli tidak perlu bersaing dalam sistem meritokrasi terbuka bagi mendapatkan tempat untuk meneruskan pengajian di Institut Pendidikan Tinggi. Walau bagaimanapun,

permohonan mereka masih tertakluk kepada syarat minima kemasukan ke program-program pengajian yang dipohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 5 buah Universiti Awam (UA) yang beroperasi di Pantai Timur iaitu:

- (a) Universiti Malaysia Pahang (UMP);
- (b) Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- (c) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
- (d) Universiti Malaysia Kelantan (UMK); dan
- (e) 3 kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sebahagian UA ini telah diberikan peluang oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk sama-sama membangunkan program pendidikan di Koridor Pantai Timur khususnya kepada komuniti orang asli.

Sebagai contoh, UMK telah ditaja oleh ECER bagi membantu komuniti orang asli di bawah program khas Latihan Akademik dengan menyasarkan:

- (a) 50% peningkatan kehadiran pelajar ke sekolah;
- (b) 50% peningkatan kehadiran pelajar ke peperiksaan;
- (c) 20% pelajar UPSR menguasai kemahiran 3M;
- (d) 40% pelajar UPSR menguasai kemahiran 2M; dan
- (e) 70% pelajar UPSR menguasai kemahiran 1M.

Penekanan yang diberikan dalam program ini adalah berhubung dengan aspek pengukuhan akademik dan pembangunan sahsiah menerusi program latih tubi, aktiviti latihan secara berkumpulan dan program permukiman motivasi. Justeru, KPT sentiasa terbuka untuk meningkatkan akses pendidikan kepada rakyat khususnya di kalangan penduduk luar bandar termasuk komuniti orang asli.